



KORIDOR MINDA | Datuk Dr. Chamil Wariya
Pengarah VOA Media Network, Penyedia Kandungan Faktual
dan Latihan Media.



Noramin berjalan bersiar-siar di sekitar Menara Berkembar Kuala Lumpur (KLCC).

(Foto: Noramin)

Baju yang diperbuat daripada kain jean berwarna biru yang sedikit gedoboh menjadi kegemarannya. Dibahunya pula terletak selendang yang menutupi baju itu. Sebuah beg tersangkut dibahu kanannya, dan sebatang tongkat tidak lekang daripada genggamannya tangannya.

Rambutnya yang sudah keputihan dan melepasi bahu, dibiarkan semacam tidak terurus. Misai tebalnya dan janggutnya yang sejempit juga sudah bertukar warna,

Noramin Mosyi-Mosyi

Penyiar Hebat Kelahiran RTM

Jika tidak ke majlis rasmi atau formal, penyiar radio tersohor kelahiran Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) bernama Noramin Mosyi-Mosyi ini lebih selesa berkain pelekat untuk berjalan ke mana-mana, berbanding dengan berseluar seperti kebanyakan orang.

selari dengan usianya yang sudah mencecah 74 tahun. Silap-silap hari mereka yang tidak mengenali beliau akan menganggap Noramin sebagai seorang gelandangan tanpa tujuan. Beliau mengakui ada yang beranggapan demikian, tetapi tidak diendakkannya. Biarlah orang hendak berkata, namun perkara itu tidak meninggalkan kudis kepadanya.

Selepas bersara, imej ala-ala gelandangan inilah yang dibina oleh Noramin. Beliau tidak berasa malu atau kekok berpakaian begitu kerana identiti itu selaras dengan falsafah hidupnya selepas bersara, iaitu "penerus hidup dalam hidup bebas." Beliau tidak lagi terikat dengan etika pakaian bekerja. Malah apabila beliau keluar minum kopi dengan rakan-rakannya, Noramin kekal dengan kain pelekat. "Ini ialah identiti Noramin selepas menjadi warga emas," kata beliau dalam satu pertemuan.

Bagi beliau, memakai kain pelekat bukanlah sesuatu yang pelik kerana mengenakan kain sarung sudah menjadi satu tradisi lelaki Melayu sejak zaman-berzaman katanya mungkin bermula pada pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.

Walaupun bagaimanapun, beliau seorang yang menghormati majlis tuan rumah. Apabila diundang untuk menghadiri acara rasmi atau formal, Noramin menjadi insan yang berbeza.

Beliau akan mengenakan pakaian kemas yang sepatutnya, seperti berbaju batik seperti sewaktu kami sama-sama menghadiri Malam Wartawan Malaysia 2024 di sebuah hotel terkemuka di ibu negara ini. Sekiranya sesuatu majlis itu memerlukan kod pakaian barat, yakni bertali leher lengkap atau berbaju kebangsaan, dia juga tidak keberatan untuk berbuat demikian.

Bagi Noramin, imej gelandangan itu tidak membenamkan populariti silamnya sebagai penyiar tersohor sewaktu berkhidmat sebagai juruhebah dengan RTM terutamanya pada zaman kemuncak antara tahun 1977 hingga tahun 1990. Walaupun beliau sebenarnya memulakan kerjaya sebagai penyiar pada awal 1970-an dengan RTM. Pada mulanya, sebagai juruhebah sambilan atau lebih dikenali sebagai artis berjadual kemudian diserap menjadi penyiar tetap.

Pada zaman kegemilangannya, nama beliau dikenali di mana-mana. Malah sampai sekarang sebut sahaja Noramin Mosyi-Mosyi masih ada yang mengenali beliau. Mosyi-mosyi dalam bahasa Jepun bermaksud helo. Cerita beliau: "Masih ada orang mengenali aku, termasuklah dalam generasi sekarang, tetapi sebahagian besarnya adalah generasi yang seangkatan dengan kau dan akulah."

Penulis mula mengenali Noramin pada penghujung tahun 1970. Beliau berasal dari Kuala Pilah, Negeri Sembilan, manakala saya pula tinggal di Kampung Pasir, Kerling, Hulu Selangor. Pada ketika itu, kami sama-sama mengikuti kursus pengurusan hotel dan sajian makanan di Institut Teknologi Malaysia (ITM) yang terletak di Jalan Othman, Petaling Jaya.

Nama sebenar Noramin ialah Mohamad Nor Amin. Beliau tua setahun daripada penulis, yakni dilahirkan pada tahun 1951, manakala penulis pula pada tahun 1952. Kami sama-sama mengikuti kursus tersebut bukan sebagai kursus pertama pilihan kami.

Penulis meminati bidang kewartawanan dan penulisan – faktual dan fiksiyen. Sejak dibangku sekolah lagi sudah berjinak-jinak dengan penulisan cerpen dan sajak. Cita-cita sejak Tingkatan 3 di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Inggeris, Kuala Kubu Bharu adalah untuk menjadi pemberita.

Noramin pula ingin menjadi seorang juruhebah radio kerana “aku dalam kandungan emak aku lagi memang sudah mendengar siaran radio yang ketika itu dikenali sebagai tetuung udara. Hal ini demikian kerana ibu aku, seorang penoreh getah, adalah pendengar tegar pelbagai program Radio Malaya pada waktu itu. Radio menjadi sumber hiburan. Ke mana-mana sahaja di rumah, dia akan membawa radio transistornya. Setelah aku lahir pula akan senantiasa mendengar radio semasa dalam kendongannya.”

Sewaktu masuk ITM, institut itu belum lagi menawarkan program Kajian Sebaran Am yang menawarkan bidang kewartawanan atau penyiaran antara lainnya. Kajian Sebaran Am di ITM hanya diperkenalkan pada penghujung tahun 1971. Jika ada pun, mungkin kami tidak layak memohon kerana program sebaran am memerlukan kelulusan Sijil Tinggi Persekolahan atau Higher School Certificate. Kami hanya berkelulusan MCE (Malaysia Certificate of Education). Kelayakan Diploma Sebaran Am di ITM adalah setaraf dengan ijazah am. Program

pertama berkaitan dengan media dan komunikasi diperkenalkan di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada tahun 1969.

Sewaktu memohon ke ITM seperti yang diiklankan pada awal tahun 1970, program akademik yang kami pohon adalah kursus persediaan pada peringkat sijil, tetapi kami menerima tawaran untuk belajar dalam bidang pengurusan hotel dan sajian makanan sebagai batu loncatan untuk keluar daripada kesusahan hidup di kampung masing-masing.


Tiada yuran pengajian dikenakan. Asrama disediakan di Seksyen 17, Petaling Jaya, iaitu rumah pangsa Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan makanan percuma sebanyak tiga kali sehari disediakan. Kami berulang-alik ke kampus dari asrama menggunakan pengangkutan khas yang disediakan, juga percuma. Kami juga dibayar elauan poket sebanyak \$40 sebulan.

Pada mulanya, Noramin dan saya terpinga-pinga juga dengan kursus yang kami ikuti. Bidang perhotelan adalah sesuatu yang asing bagi kami. Maklumlah kami orang kampung. Yang ada di pekan berhampiran saya membesar, Tanjung Malim dan Kuala Kubu Bharu hanya rumah rehat atau dalam bahasa Inggerisnya, *rest house*. Terdapat juga hotel murah yang diberi nama rumah tumpangan. Kerjaya dalam bidang perhotelan yang saya ketahui hanyalah menjadi tukang masak atau penghidang makanan.

Justeru semasa di ITM, saya dan Normain sering bergurau: “Nampaknya, selesai belajar nanti kita akan jadi tukang masaklah.” Tukang masak pun tukang masaklah, saya memberitahu beliau.

Namun begitu, takdir menentukan yang kerjaya kami tidak berkesudahan sebagai tukang masak. Sebaliknya cita-cita saya untuk menjadi wartawan tercapai. Noramin pula berjaya menjadi juruhebah dan muncul sebagai juruhebah tersohor Radio Malaysia Ibu Kota (RMK) pada zaman kemuncaknya.

Sebenarnya, pada waktu yang sama saya memohon kursus persediaan di ITM, saya juga memohon jawatan pemberita kadet



Wajah Noramin terkini.

yang diiklankan oleh akhbar harian *Utusan Melayu/Utusan Malaysia*.

Hanya setelah dua bulan di ITM, baru saya menerima panggilan temu duga untuk menjadi pemberita kadet. Dua bulan kemudian saya ditawarkan untuk menyertai latihan yang disediakan oleh pihak Utusan – sebulan kursus teori di Asrama Dr. Latif yang terletak berhampiran Jalan Gurney (sekarang Jalan Semarak) dan dua bulan latihan amali dengan akhbar *Utusan Malaysia*. Saya tidak berfikir panjang untuk meninggalkan kursus yang saya ikuti di ITM setelah ditawarkan menjadi pemberita kadet awal tahun 1971.

Saya memberitahu Noramin berita gembira itu. Reaksi beliau: “Untunglah kau dapat menyertai bidang yang kau minati. Aku seoranglah yang akan menjadi tukang masak.” Persahabatan saya dengan Noramin tidak terputus selepas meninggalkan ITM. Dari semasa ke semasa kami bertemu kerana Noramin juga sudah menjadi juruhebah sambilan dengan RTM pada hujung minggu. Ada kalanya pada hujung minggu saya singgah menjenguk kawan-kawan yang pernah sekursus, sambil makan tengah hari di Jalan Othman. Hujung minggu menjadi pilihan kerana pada Sabtu dan Ahad, hidangan istimewanya ialah nasi beriyani.



Rakaman kenangan bersama-sama Noramin sewaktu menghadiri satu program di Universiti Malaya pada 8 Ogos 2024.

Apabila kursus Sebaran Am pada peringkat diploma diperkenalkan, Noramin yang sudah menamatkan kursus pengurusan hotel pada peringkat sijil, berpindah ke kursus baharu itu. Beliau menjadi antara pelajar perintis program tersebut, tetapi kerana cita-citanya untuk menjadi juruhebah, akhirnya beliau meninggalkan kursus tersebut selepas dua tahun apabila ditawarkan perkhidmatan secara sepenuh masa oleh RTM sebagai pembantu siaran atau *broadcast assistant*, iaitu jawatan rasmi untuk menjadi juruhebah.

Seorang daripada rakan sekelas dengan Noramin pada tahun 1971, Datuk Hamdan Adnan yang kemudiannya menyertai ITM sebagai tenaga akademik Kajian Sebaran Am setelah mendapat ijazah sarjana di sebuah universiti di Amerika Syarikat berkata: "Mat Nor bin Amin sekelas dengan saya di Kajian Sebaran Am, namun beliau berhenti setengah jalan. Bakatnya hebat."

Pengalaman bekerja dengan RTM membuka peluang kepada Noramin untuk berkhidmat dengan Bahagian Melayu, Perbadanan Penyiaran Jepun (NHK) di Tokyo. Kebetulan pula pada waktu yang sama beliau berkhidmat

di NHK, saya pula berkhidmat dengan Perbadanan Penyiaran British (BBC) di London antara penghujung tahun 1976 hingga tahun 1982. Semasa berkhidmat dengan NHK, Noramin juga menggunakan kesempatan itu untuk mempelajari bahasa Jepun. Menguasai bahasa tersebut memberikan nilai tambah kepada beliau sewaktu mengendalikan siaran di radio selepas itu.

Sekembalinya ke tanah air pada tahun 1982, Normain berkhidmat dengan Radio Malaysia Ibu Kota atau RMIK dan saya pula menyertai semula Utusan Malaysia pada tahun 1984. Semasa di RMIK, Noramin memperkenalkan program belajar bahasa Jepun yang diberi nama Mosyi-Mosyi pada tahun 1983 yang telah melonjakkan nama beliau sebagai seorang penyiar.

Cara beliau menghadirkan program yang dikendalikan di RMIK pada setiap petang dianggap menyegarkan. Mosyi-Mosyi muncul sebagai program yang digemari ramai. Beliau juga kemudian dikenali dengan nama Noramin Mosyi-Mosyi, mengambil sempena program popular yang beliau kendalikan. Nama itu kekal sampai sekarang.

Di RMIKlah Noramin membina etosnya sebagai seorang juruhebah yang diminati ramai. Kelainan beliau mengendalikan siaran pagi atau petang di RMIK melonjakkan diri beliau sebagai seorang juruhebah telah memberikan nafas baharu kepada stesen radio yang bersiaran untuk warga Kuala Lumpur. Selain Noramin, seorang lagi juruhebah yang membina nama besar di RMIK ialah Zainal Din Zainal yang bersiaran pada sebelah pagi.

Kerjaya penyiaran Noramin tidak berakhir di RTM. Apabila Time Highway Radio (THR) memulakan siarannya pada 1 Januari 2005, beliau menyertai stesen tersebut sebagai pengurusnya. Peranannya telah berbeza daripada sewaktu beliau bekerja di RTM.

Sebagai pengurus sebuah radio komersial pertama di negara ini, petunjuk prestasi utama beliau bukan lagi sebagai juruhebah, tetapi untuk mencari pendapatan iklan yang

merupakan sumber utama pendapatan stesen tersebut. Oleh sebab THR adalah stesen swasta tunggal pada waktu itu, tidak sukar untuk beliau berbuat demikian. Saingan THR hanya stesen radio RTM yang dianggap agak konservatif dalam bentuk imej penyiarannya. Pada waktu yang sama, Noramin juga bertanggungjawab untuk membangunkan bakat siaran THR dengan mengenal pasti penyiar atau juruhebah yang boleh menarik pendengar stesen radio tersebut. Sebelum meninggalkan selamat tinggal kepada dunia penyiaran, Noramin juga pernah menjadi hos sebuah program pagi TV swasta.

Benarlah kata bijak pandai, setiap orang ada masanya dan setiap masa ada orangnya. Masa saya dan Noramin berkecimpung dalam bidang pilihan masing-masing sudah berlalu. Sekarang kami sudah sama-sama bersara walaupun tidak sepenuhnya. Noramin masih menerima tawaran berlakon dalam filem dan memberikan ceramah. Namum begitu, setiap kali bertemu pada acara rasmi dan tidak rasmi, kami kerap bernostalgia dengan zaman kami belajar menjadi tukang masak di ITM. Kami akan ketawa berdekah-dekah mengenang zaman silam sebagai penuntut untuk menjadi tukang masak di Jalan Othman, Petaling Jaya itu.

Malah apabila saya memuat naik foto kami yang dirakam sewaktu Noramin berceramah di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaysia pada 8 Ogos 2024, dalam Facebook saya, beliau membuat ulasan ini: "Benar-benar tidak menyangka, dari status tukang masak lebih daripada 50 tahun lalu, tokoh terkemuka ini mampu berada pada tahap yang sangat tinggi pencapaiannya."

Saya membalas dengan menyatakan: "Saudara pun tidak kurangnya. Hebat sebagai penyiar." Alhamdulillah kerana kami berdua sudah berjaya memenuhi cita-cita kami. Saya percaya bukan kami sahaja yang mampu berbuat demikian. Banyak lagi orang seperti kami yang memulakan perjalanan dalam bidang yang bukan pilihan pertama telah berjaya menggapai cita-cita idaman masing-masing. ■